



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***BIMBINGAN IBU BAPA, PERSEKITARAN KELUARGA DAN MASALAH  
KECELARUAN SEBAGAI PENGANTARA HUBUNGAN KESEDIAAN IBU  
BAPA DENGAN PRESTASI REMAJA DI SEKOLAH DALAM KALANGAN  
KELUARGA KOMUTER***

**SIAW YAN LI**

**FPP 2014 73**



**BIMBINGAN IBU BAPA, PERSEKITARAN KELUARGA DAN MASALAH  
KECELARUAN SEBAGAI PENGANTARA HUBUNGAN KESEDIAAN IBU  
BAPA DENGAN PRESTASI REMAJA DI SEKOLAH DALAM KALANGAN  
KELUARGA KOMUTER**

**Oleh**

**SIAW YAN LI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**BIMBINGAN IBU BAPA, PERSEKITARAN KELUARGA DAN MASALAH  
KECELARUAN SEBAGAI PENGANTARA HUBUNGAN KESEDIAAN IBU  
BAPA DENGAN PRESTASI REMAJA DI SEKOLAH DALAM KALANGAN  
KELUARGA KOMUTER**

Oleh

**SIAW YAN LI**

**November 2014**

**Pengerusi: Profesor Madya Samsilah Roslan, PhD**  
**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Peningkatan keluarga komuter di Malaysia semakin ketara. Gaya hidup keluarga komuter yang pisah berjauhan dengan keluarga asas serta berbeza dengan model keluarga konvensional di Malaysia telah mula dipersoalkan impak dan cabarannya ke atas kesejahteraan dan perkembangan keluarga. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan memperihail bentuk dan kesan pengantaraan bagi hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja melalui tiga pengantara iaitu bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga dan kecelaruan dengan masalah tingkah laku remaja. Kajian ini turut meneroka profile responden, tahap pencapaian prestasi remaja, tahap bimbingan ibu bapa, dimensi persekitaran keluarga komuter, pola kecelaruan dengan masalah tingkah laku remaja, dan tahap kesediaan ibu bapa dalam gaya hidup keluarga komuter. Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter (PPRKK) dicadangkan dalam kajian ini.

Pendekatan kuantitatif yang melibatkan reka bentuk deskriptif, reka bentuk korelasi dan reka bentuk sebab-akibat digunakan dalam proses penganalisan. Analisis deskriptif dan analisis inferensi dilakukan dengan program SPSS dan perisian grafik AMOS. Sejumlah 217 keluarga komuter negeri Selangor dipilih sebagai sampel kajian melalui persampelan rawak kelompok pelbagai peringkat.

Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan empat instrumen iaitu Inventori Bimbingan Ibu Bapa, Skala Persekitaran Keluarga, Laporan Kendiri Remaja dan Inventori Kesediaan Ibu Bapa. Prestasi remaja di sekolah diperoleh daripada pihak pengurusan sekolah. Ujian korelasi, penganalisan model pengukuran, penganalisan model struktur dan penganalisan model pengantaraan dijalankan bagi memperoleh hasil kajian.

Dapatan kajian melaporkan majoriti remaja (peperiksaan 71.4%; kokurikulum 95.4%) mencapai prestasi pada tahap gred B dan ke bawah. Remaja memberi persepsi bahawa mereka jarang ( $n=84$ ; 38.7%) dan tidak pernah ( $n=39$ ; 18%) menerima bimbingan ibu bapa yang secukupnya. Kehidupan sekeluarga lebih berorientasikan pencapaian, agama dan moral. Aktiviti kebudayaan dan rekreasi sesama anggota keluarga kurang namun kawalan ibu bapa ke atas pergerakan remaja ditafsirkan ketat walaupun hidup pisah berjauhan. Bagi kecelaruan dan masalah tingkah laku, remaja didapati mempunyai skor min tinggi dalam kecelaruan (lelaki  $M=17.3$ ), masalah tumpuan (lelaki  $M=6.5$ ; perempuan  $M=5.7$ ) dan masalah sosial (lelaki  $M=6.8$ ; perempuan  $M=6.4$ ) jika dibandingkan dengan kumpulan subjek rujukan (diperolehi daripada manual instrumen). Dapatan menjelaskan bahawa 66.7% responden ibu bapa berada pada tahap pertimbangan dan kesediaan untuk menerima gaya hidup keluarga komuter. Ini menjelaskan bahawa pasangan ibu bapa di Malaysia masih belum bersedia untuk menerima dan melibatkan diri dalam gaya hidup berkomuter.

Ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan kecuali aspek kecelaruan dan masalah-masalah lain. Pemodelan persamaan struktur melaporkan bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, masalah tingkah laku dan kesediaan ibu bapa merupakan peramal ke atas prestasi remaja. Sumbangan Model PPRKK ke atas prestasi remaja adalah 38% dengan kesan keseluruhan model 0.69. Kesemua peramal mempengaruhi prestasi remaja secara signifikan kecuali masalah tingkah laku remaja ( $\beta =0.11$ ;  $p=0.130$ ). Model merumuskan bahawa bimbingan ibu bapa memberi pengaruh terbesar ke atas prestasi remaja di sekolah iaitu 0.41. Ini diikuti dengan kesediaan ibu bapa 0.32.

Ketiga-tiga pengantara memainkan peranan penting dalam memberi impak dan kesan ke atas hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja. Model PPRKK disahkan merupakan model pengantaraan yang diterima. Persekitaran keluarga dan bimbingan ibu bapa masing-masing memberi kesan pengantaraan separa ke atas hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja dalam Model PPRKK. Jumlah pengaruh keseluruhan model cadangan dan sumbangan keseluruhan yang tinggi telah menyokong kepentingan bentuk dan kesan model pengantaraan yang dicadangkan. Secara kesimpulannya, kajian ini melaporkan kepentingan kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga dan masalah tingkah laku remaja ke atas prestasi remaja bagi keluarga komuter. Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter (PPRKK) yang dicadangkan adalah sah, diterima dan padan dengan data yang dicerap.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PARENTAL CARE, FAMILY ENVIRONMENT, INTERNALIZING AND EXTERNALIZING PROBLEM AS A MEDIATOR BETWEEN THE RELATIONSHIP OF PARENTAL READINESS AND ADOLESCENCE SCHOOL PERFORMANCE AMONG COMMUTER FAMILIES**

By

**SIAW YAN LI**

November 2014

**Chairman: Associate Professor Samsilah Roslan, PhD**  
**Faculty: Educational Studies**

Commuter families are critically on rise recently among Malaysian's family. The impact and challenges of the lifestyle amongst commuter families in maintaining the harmony and development of the family are now being questionable, of which they are separated from their nuclear families, and its nature in contradicting to the conventional family model in Malaysia. Therefore this study aimed to investigate the relationship and mediation effect between parental readiness and adolescent school performance via three mediators namely, parental care, family environment, internalizing and externalizing problem. This study also explored the profiles of the respondents, the levels of academic achievement of the adolescents, the levels of parental care, environmental dimension of the commuter family, the patterns of adolescents' internalizing and externalizing problems, and the level of parental readiness towards the commuter family lifestyle. A "Multiple Mediation Model of Adolescent School Performance" (denoted as PPRKK model) was proposed in this study.

A quantitative model was applied in this research. Analyses of descriptive, correlation and ex-post factor were applied. Descriptive and inference analyses which involved correlation and path analyses were carried out with SPSS and AMOS (Analysis of Moment Structures). A total of 217 family-respondents from Selangor state were recruited in this study via multi-level random sampling.

Data collection in this study was carried out using four instruments namely, Parental Care Inventory, Family Environmental Scale, Youth Self-Report, and Parental Readiness Inventory. School performance in examination and co-curriculum of the adolescents were provided by the respective school administrations. Pearson's correlation coefficient test, analyses of measurement model, structural model and mediation model were carried out in this study.

Results revealed that majority of adolescents (examination 71.4%; co-curriculum 95.4%) achieved a performance level on grade B or below. These adolescents gave the perception that they rarely ( $n = 84$ ; 38.7%) or never ( $n = 39$ , 18%) received adequate parental guidance. Their family lifestyle was more achievement-, religion-, and moral- oriented. Cultural and recreation activities amongst family members were also lacking. However, the control on the adolescents' lifestyle was relatively tight although they were living apart. The adolescents from commuter families were also found to be more prone towards internalization problems (male  $M = 17.3$ ), attention problems (male  $M = 6.5$ ; female  $M = 5.7$ ), and social behavior problems (male  $M = 6.8$ ; female  $M = 6.4$ ) compare with the referred samples (instruments' manual). The finding exhibited 66.7% of the parent were at the level of consideration and prepared to accept the lifestyle of commuter family. This explains why some couples in Malaysia are not yet ready to commit as a commuter family.

The Pearson's correlation coefficient test revealed all variables had a significant relationship, except the internalizing and other problems. Structural equation model reported that parental care, family environment, externalizing problem and parental readiness were the predictors to the adolescents' school performance. The overall contribution of PPRKK model to adolescent's school performance was 38% with totally effect 0.69. All predictors significantly influenced the adolescent's school performance, except the externalizing problem ( $\beta = 0.11$ ;  $p = 0.130$ ). This model summarized that parental care had the largest influence to the adolescent's performance (0.41), followed by parental readiness (0.32).

All the three mediators played an important role in contributing an impact and consequence on the relationships between parents and adolescents' achievement. PPPRKK Model was confirmed to be a mediation model. Family environment and parental care significantly partial mediated the relationship between parental readiness and adolescent's school performance. The total influence by the suggested model and its significant contributions supported the importance of the form and effect of the suggested mediation model. In summary this study reported the importance of parental readiness, parental care, family environment and adolescent externalizing problem to the adolescent's school performance among commuter families. The suggested of "Multiple Mediation Model of Adolescent Academic Performance" was confirmed, accepted and matched with the data observed.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung banyak memberi dorongan dan bimbingan kepada saya dalam menyediakan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan khas kepada:

Penyelia tesis saya, Prof Madya Dr Samsilah Roslan, Dr Maria Chong Abdullah dan Prof Madya Dr Haslinda Abdullah atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengajian saya. Motivasi dan dorongan yang diberikan telah berjaya membantu saya melalui saat-saat kesedihan dan kesukaran yang ditemui sepanjang tempoh pengajian.

Prof Dr Rahil Hj Mahyuddin dan Dr Maznah Baba atas segala kerjasama dan bimbingan yang diberikan dalam penghasilan dan pengesahan instrumen kajian.

Dr. Tajularipin Sulaiman selaku pemeriksaan bagi pembentangan kertas kerja saya di peringkat fakulti. Beliau banyak memberi pengetahuan dan bimbingan kepada saya dalam menambahbaikkan tesis saya.

Prof Dr Bahaman Abu Samah, Dr Zoharah Omar dan Prof Dr T. Ramayah yang sering memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya dalam analisis statistik terutama berkenaan dengan penganalisan AMOS-SEM.

Pensyarah-pensyarah yang sentiasa menghulurkan pertolongan dan sokongan khususnya kepada Prof Dr Maimunah Ismail, Prof Dr Habibah Elias, Prof Dr Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Prof Madya Dr Ismi Arif Ismail, Prof Dr Rozumah Baharudin dan Dr Siti Nor Yaacob yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya untuk menjayakan tesis ini.

Pihak pengurusan universiti atas segala kerjasama yang telah diberikan, terutama Pejabat Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Pejabat RMC, IPSAS, Pusat Perkembangan Bahasa, UPM dan Pihak Pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah.

Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor dan semua pihak pengurusan sekolah menengah negeri Selangor yang terlibat dalam proses pengumpulan data. Khas kepada guru-guru di Unit Bimbingan dan Kaunseling di semua sekolah yang terlibat dalam proses pengumpulan data.

Semua rakan perjuangan bersama saya dalam kumpulan gerak-gempur PhD, kumpulan Ph.D INTAN, JPA dan rakan-rakan di PEACE, UPM. Sokongan dan kerjasama semua amat saya hargai.

Semua rakan sekerja saya di Kemterian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atas timbang rasa dan kesabaran mereka. Khas kepada Datuk Mohd Zain Mohd Dom yang memberi sokongan sepenuh kepada saya untuk melanjutkan pelajaran. Sokongan dan dorongan daripada beliau amat bermakna kepada saya.



Akhir sekali, ingin saya ucapkan jutaan terima kasih yang istimewa kepada semua ahli keluarga saya atas segala pengorbanan, sokongan, dan dorongan yang telah dicurahkan.

Anak kesayangan, Hoh Chun Hee  
Ibu bapa tersayang, Siaw Kong Yen dan Sun Kue Neong  
Mertua yang dikasihi, Hoh Lim Kow dan Wan Yuet Sin

Khas untuk suami saya Hoh Boon Peng, terima kasih atas sokongan, bimbingan, kesabaran, timbang rasa, kesayangan, dorongan dan segala yang diberikan kepada saya. Tanpa sokongan suami yang memahami dan menerima kelemahan isteri, maka tidak mungkin isteri dapat berjaya melakukan apa yang diingini.



SIAW YAN LI

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 November 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siaw Yan Li bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Bimbingan Ibu Bapa, Persekitaran Keluarga dan Masalah Kecelaruan sebagai Pengantara Hubungan Kesiediaan Ibu Bapa dengan Prestasi Remaja di Sekolah dalam Kalangan Keluarga Komuter” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Maimunah bt Ismail, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hajjah Rusnani bt Abdul Kadir, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Siti Aishah binti Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Khairul Anwar @ Johari bin Mastor, PhD**

Profesor  
Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 26 Februari 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Samsilah Roslan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Maria Chong Abdullah, Pensyarah Kanan**

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Haslinda Abdullah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidik dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**


Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi :

Jawatankuasa Penyeliaan



Profesor Madya Samsilah Roslan, PhD

PROF. MADYA DR. SAMSILAH ROSLAN  
Pensyarah Jabatan Asas Pendidikan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor

Tandatangan:

Nama Ahli:

Jawatankuasa Penyeliaan




Maria Chong Abdullah, PhD

Dr. Maria Chong binti Abdullah  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor D. E.

Tandatangan:

Nama Ahli :

Jawatankuasa Penyeliaan



Profesor Madya Haslinda Abdullah, PhD

PROF. MADYA DR. HASLINDA ABDULLAH  
Timbalan Pengarah  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx

### BAB

<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Kesediaan Ibu Bapa	4
1.2.2	Bimbingan Ibu Bapa	5
1.2.3	Persekitaran Keluarga	6
1.2.4	Kecelaruan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	7
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	11
1.7.1	Keluarga Komuter	11
1.7.2	Kesediaan Ibu Bapa	12
1.7.3	Persekitaran Keluarga	12
1.7.4	Bimbingan Ibu Bapa	13
1.7.5	Kecelaruan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	13
1.7.6	Prestasi Remaja di Sekolah	14
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.8.1	Kepentingan daripada Aspek Teori	14
1.8.2	Kepentingan daripada Aspek Amalan Praktik	15
1.9	Skop Kajian	16
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Penutup	18
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
2.1	Pengenalan	19
2.2	Keluarga Komuter	19
2.3	Kesediaan Ibu Bapa	21
2.4	Prestasi Remaja di Sekolah	23
2.5	Kecelaruan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	25
2.6	Kesediaan Ibu Bapa, Bimbingan Ibu Bapa dan Prestasi Remaja di Sekolah	27

2.7	Kesediaan Ibu Bapa, Persekitaran Keluarga dan Prestasi Remaja di Sekolah	29
2.8	Kesediaan Ibu Bapa, Kecelaruhan dengan Masalah Tingkah Laku dan Prestasi Remaja di Sekolah	32
2.9	Rumusan Tinjauan Kajian Lepas	33
2.10	Latar Belakang Teori Kajian	35
	2.10.1 Teori Perkembangan Psikososial (Erikson, 1959)	35
	2.10.2 Teori Sistem Ekologi (Bronfenbrenner, 1979)	37
	2.10.3 Teori Sistem Keluarga (Bowen, 1931-1990)	43
	2.10.4 Teori Tahap Perubahan (Prochaska & DiClemente, 1984)	49
2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	51
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	53
2.13	Model Cadangan: Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter	55
2.14	Penutup	57
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>58</b>
3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Lokasi Kajian	59
3.4	Populasi Kajian	60
3.5	Persampelan	60
	3.5.1 Saiz Sampel	60
	3.5.1.1 Analisis Korelasi	61
	3.5.1.2 Analisis Laluan	61
	3.5.1.3 Penentuan Saiz Sampel Kajian	62
	3.5.2 Kaedah Persampelan	62
3.6	Instrumentasi	64
	3.6.1 Demografi	65
	3.6.2 Inventori Bimbingan Ibu Bapa	65
	3.6.3 Skala Persekitaran Keluarga	67
	3.6.4 Laporan Kendiri Remaja	72
	3.6.5 Inventori Kesediaan Ibu Bapa	76
	3.6.6 Prestasi Remaja di Sekolah	78
3.7	Kajian Rintis	79
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
	3.8.1 Analisis Faktor Pengesahan	80
	3.8.1.1 Inventori Didikan Ibu Bapa	80
	3.8.1.2 Skala Persekitaran Keluarga	81
	3.8.1.3 Laporan Kendiri Remaja	82
	3.8.1.4 Inventori Kesediaan Ibu Bapa	83
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	84
3.10	Teknik Penganalisan Data	85
	3.10.1 Analisis Awal ( <i>Preliminary Analysis</i> )	85
	3.10.2 Analisis Deskriptif	86
	3.10.3 Analisis Inferensi	88
	3.10.3.1 Analisis Korelasi Koefisien Pearson	88
	3.10.3.2 Analisis Laluan	88
3.11	Penutup	90

<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>91</b>
4.1	Pengenalan	91
4.2	Ciri Demografi Responden	91
4.2.1	Jantina Remaja	91
4.2.2	Umur Remaja	92
4.2.3	Bangsa Resonden	92
4.2.4	Pengenalpastian Ibu Bapa yang Berkomuter	92
4.2.5	Tempoh Berkomuter	93
4.2.6	Kekerapan Responden Komuter Berulang-Alik	93
4.2.7	Negeri Responden Komuter Bekerja	94
4.2.8	Pendapatan Bulanan Sekeluarga	94
4.2.9	Tahap Pendidikan dan Bidang Pekerjaan Ibu Bapa	95
4.3	Prestasi Remaja di Sekolah	96
4.3.1	Pencapaian Peperiksaan	96
4.3.2	Pencapaian Kokurikulum	96
4.4	Tahap Bimbingan Ibu Bapa	97
4.5	Status Persekitaran Keluarga Komuter	99
4.6	Tahap Kecelaruan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	100
4.7	Tahap Kesediaan Ibu Bapa	102
4.8	Korelasi Pemboleh Ubah Kajian	104
4.8.1	Hubungan antara Pemboleh Ubah Kajian	105
4.8.2	Interprestasi Pekali Korelasi	106
4.8.3	Rumusan	107
4.9	Pemodelan Persamaan Struktur	108
4.9.1	Penganalisan Model Pengukuran	109
4.9.1.1	Ujian Padanan Model Pengukuran	110
4.9.1.2	Ujian Kesahan Diskriminan	111
4.9.2	Penganalisan Model Struktural	112
4.9.2.1	Padanan Keseluruhan Model Cadangan Kajian	112
4.9.2.2	Pengaruh dan Sumbangan Keseluruhan Model Cadangan	113
4.9.2.3	Kesan Model Cadangan	118
4.9.3	Penganalisan Model Pengantaraan	119
4.9.3.1	Perbandingan Bentuk Model	119
4.9.3.2	Ujian Kesan Pengantaraan	120
4.9.3.2a	Kesan Pengantaraan Bimbingan Ibu Bapa	121
4.9.3.2b	Kesan Pengantaraan Persekitaran Keluarga dan Bimbingan Ibu Bapa	122
4.9.3.2c	Kesan Pengantaraan Masalah Tingkah Laku Remaja	122
4.9.4	Rumusan	123
4.10	Rumusan Dapatan Kajian	123
4.11	Penutup	126
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	<b>127</b>
5.1	Pengenalan	127
5.2	Rumusan Kajian	127
5.3	Rumusan dan Perbincangan Dapatan Kajian	128
5.3.1	Rumusan dan Perbincangan Profil Demografi	129



5.3.2	Prestasi Remaja di Sekolah	132
5.3.3	Bimbingan Ibu Bapa	133
5.3.4	Persekitaran Keluarga Komuter	134
5.3.5	Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	135
5.3.6	Kesediaan Ibu Bapa	137
5.3.7	Hubungan Konstruk dalam Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter	138
5.3.7.1	Hubungan antara Kesiediaan Ibu Bapa dengan Prestasi Remaja	139
5.3.7.2	Hubungan antara Kesiediaan Ibu Bapa dengan Persekitaran Keluarga, Bimbingan Ibu Bapa, serta Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku Remaja	139
5.3.7.3	Hubungan antara Persekitaran Keluarga, Bimbingan Ibu Bapa, serta Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku dengan Prestasi Remaja	141
5.3.8	Pengaruh Peramal Prestasi Remaja di Sekolah dalam kalangan Keluarga Komuter	143
5.3.9	Model Pengantaraan Prestasi Remaja keluarga komuter	145
5.4	Kesimpulan Kajian	147
5.4.1	Kepentingan Kesiediaan untuk Berkomuter	147
5.4.2	Prestasi Remaja di sekolah dalam kalangan Keluarga Komuter	148
5.4.3	Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku Remaja dalam kalangan Keluarga Komuter	149
5.4.4	Peranan Ibu Bapa dan Persekitaran Keluarga Komuter	149
5.4.5	Sumbangan Keseluruhan Model PPRKK	150
5.5	Implikasi dan Cadangan Kajian	150
5.5.1	Implikasi dan Cadangan daripada Aspek Teori	150
5.5.2	Implikasi dan Cadangan daripada Aspek Praktik	152
5.6	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	153
5.6.1	Reka Bentuk Kajian	154
5.6.2	Pemboleh Ubah Kajian	154
5.6.3	Lokasi Kajian	155
5.6.4	Instrumen Kajian	155
5.6.5	Penganalisan Data	155
5.7	Penutup	156
	<b>BIBIOGRAFI</b>	157
	<b>LAMPIRAN</b>	183
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	227
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	228

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Tahap Perkembangan Psikososial, Erikson (1902-1994)	36
3.1 Senarai sekolah menengah kebangsaan Negeri Selangor	59
3.2 Instrumen kajian berdasarkan set soal selidik	64
3.3 Aspek bagi Inventori Bimbingan Ibu Bapa	66
3.4 Aspek dan item bagi instrumen Skala Persekitaran Keluarga	68
3.5 Aspek dan item bagi instrumen Laporan Kendiri Remaja	73
3.6 Aspek dan item bagi Inventori Kesediaan Ibu Bapa	76
3.7 Sistem Gred prestasi remaja di sekolah	78
3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Bimbingan Ibu Bapa	81
3.9 Kesahan dan kebolehpercayaan Skala Persekitaran Keluarga	82
3.10 Kesahan dan kebolehpercayaan Laporan Kendiri Remaja	83
3.11 Kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Kesediaan Ibu Bapa	83
3.12 Ujian normaliti	86
3.13 Ujian Collinearity	86
3.14 Teknik penganalisan data – Persoalan kajian	87
3.15 Teknik penganalisan data – Hipotesis kajian	89
4.1 Taburan responden remaja mengikut jantina	91
4.2 Taburan responden remaja mengikut umur	92
4.3 Taburan responden remaja mengikut bangsa	92
4.4 Pihak berkomuter dalam keluarga	93
4.5 Tempoh berkomuter	93
4.6 Kekerapan responden komuter berulang-alik	94
4.7 Taburan responden komuter bekerja mengikut negeri	94

4.8	Pendapatan bulanan sekeluarga	95
4.9	Tahap pendidikan dan bidang pekerjaan ibu bapa	95
4.10	Pencapaian peperiksaan remaja	96
4.11	Pencapaian kokurikulum remaja	97
4.12	Penyeliaan ibu bapa dalam keluarga komuter	97
4.13	Penglibatan ibu bapa dalam kekeluarga komuter	98
4.14	Bimbingan ibu bapa dalam keluarga komuter	98
4.15	Persekitaran keluarga komuter berdasarkan dimensi	99
4.16	Persepsi responden remaja terhadap status persekitaran keluarga komuter	100
4.17	Masalah kecelaruan remaja	101
4.18	Masalah tingkah laku remaja	101
4.19	Masalah-masalah lain remaja	102
4.20	Kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja berdasarkan jantina	102
4.21	Kesediaan ibu bapa	103
4.22	Tahap kesediaan ibu bapa mengikut aspek	104
4.23	Korelasi antara pemboleh ubah kajian	106
4.24	Interpretasi Pekali Korelasi	106
4.25	Konstruk dalam model cadangan ( <i>Model Input 2</i> )	108
4.26	Indek ketepatan padanan model pengukuran kajian	111
4.27	Konstruk kesahan diskriminan model pengukuran	112
4.28	Indek ketepatan padanan bagi <i>Model Input 2</i>	113
4.29	Pengaruh konstruk ke atas prestasi remaja dalam <i>Model Output 2</i>	115
4.30	Ujian korelasi separa	115

4.31	Pengaruh konstruk ke atas prestasi remaja dalam <i>Model Output 3</i>	118
4.32	Kesan Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter	119
4.33	Perbandingan bentuk model pengantaraan	120
4.34	Perbandingan jenis kesan pengantaraan	121
4.35	Kesan pengantaraan bimbingan ibu bapa: Kesan pengantaraan separa	122
4.36	Kesan pengantaraan bimbingan ibu bapa bersama persekitaran keluarga: Kesan pengantaraan separa	122
4.37	Kesan pengantaraan masalah tingkah laku: Tiada kesan pengantaraan	123
4.38	Keputusan hipotesis kajian	123
5.1	Perbandingan skor antara data Achenbach (1991) dengan hasil kajian	136

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Model Bronfenbrenner (1979)	38
2.2 Kitaran Hidup Sistem Keluarga	44
2.3 Kerangka Teoritikal Kajian	52
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	54
2.5 Model cadangan ( <i>Model Input 1</i> ): Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter	56
3.1 Teknik dan prosedur persampelan kajian	63
4.1 Model cadangan: <i>Model Input 2</i>	109
4.2 Model pengukuran kajian	110
4.3 Model cadangan: <i>Model Output 2</i>	114
4.4 Hubungan pengantaraan bagi persekitaran keluarga, bimbingan ibu bapa dan prestasi remaja	116
4.5 Model cadangan: <i>Model Input 3</i>	116
4.6 Model cadangan: <i>Model Output 3</i>	117
4.7 Model langsung antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja	121

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka Surat</b>
A	Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	183
B	A Power Primer (Cohen, 1992)	186
C	Jadual Persampelan Cohen (1992)	187
D	Kebenaran Penggunaan Skala Persekitaran Keluarga	188
E	Kebenaran Penggunaan Laporan Kendiri Remaja	189
F	Langkah-Langkah Pembentukakn Kajian Selidik	192
G	Pengesahan dan Persetujuan Inventori Bimbingan Ibu Bapa	193
H	Pengesahan dan Persetujuan Inventori Kesediaan Ibu Bapa	195
I	Contoh Laporan Pengesahan Instrumen Kajian Selidik	197
J	Data Achenbach 1991	199
K	Kebenaran Menjalankan Kajian Selidik: Kementerian Pendidikan Malaysia	202
L	Kebenaran Menjalankan Kajian Selidik: Jabatan Pendidikan Selangor	203
M	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian Selidik: Sekolah Menengah Kebangsaan	204
N	Borang Maklumat dan Keizinan Peserta	205
O	Contoh Sijil Penghargaan Subjek Kajian	209
P	Contoh Surat Penghargaan Sekolah	210
Q	Soal Selidik Kajian	211
R	SEM: Normality & Outlier	213
S	Submission of Thesis Editing: Pusat Perkembangan Bahasa UPM	217
T	Normal Q-Q Plot	218
U	SEM AMOS	223

## SENARAI SINGKATAN

AGFI	Indeks Padanan Diselaraskan
AIC	<i>Akaike Information Correction</i>
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	Indeks Padanan Perbandingan
CR	<i>Construct Realiability</i>
CV	<i>Convergent Validity</i>
BBG	Bimbingan
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>
FES	<i>Family Environment Scale</i>
GFI	Indeks Ketepatan Padanan
GPA	<i>Grade Point Average</i>
Hlm	halaman
JPS	Jabatan Pendidikan Selangor
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KS	Kesediaan
MPPRKK	Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter
MSL	Masalah Kecelaruan
NFI	Indeks Padanan Normal
PNFI	<i>Parsimony Normes Fit Index</i>
PPD	pejabat pendidikan daerah
PRE	Prestasi Remaja
PRKPP	Persampelan Rawak Kelompok Pelbagai Peringkat
RMSEA	<i>Root Mean Square of Error Approximation</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TTM	<i>Model Transteoritikal</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
YSR	<i>Youth Self-Report</i>

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Keluarga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan mental, emosi dan sosial seseorang individu daripada peringkat bayi sehingga ke dewasa (Erik Erikson, 1963). Institusi keluarga merupakan suatu unit sosial yang akan memberi kesan ke atas perkembangan psikososial seseorang individu (Azizi, 2008). Menurut Hoffman (1996; 2000), keluarga berperanan dalam membentuk personaliti seseorang individu sejak kecil dan akan terus menjadi pengaruh yang amat besar kepada pemikiran, tingkah laku, pencapaian dan sikap seseorang dalam dunia dewasa.

Berdasarkan Teori Perkembangan Psikososial (Erickson, 1959), keluarga penting dalam perkembangan dan didikan anak terutama pada peringkat remaja. Zaman remaja merupakan zaman peralihan daripada peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Banyak perubahan akan berlaku pada zaman ini yang merupakan jangka masa yang amat sukar dalam perkembangan seseorang individu (Konsep Hall, 1904; Teori Erikson, 1959). Bimbingan dan didikan ibu bapa dalam sesebuah institusi keluarga penting dalam membantu seseorang anak melalui zaman peralihan ini dengan berjaya dan sejahtera (Woolfork, 1998).

Azizi dan Badrul (2006) menekankan bahawa perkembangan individu amat dipengaruhi oleh persekitaran dan persekitaran yang terdekat dan terpenting dalam perkembangan individu remaja adalah keluarga. Teori Ekologi Sistem (1979) turut menjelaskan bahawa komuniti keluarga dalam lapisan mikrosistem merupakan komuniti terpenting yang memberi pengaruh secara langsung kepada perkembangan seseorang anak sama ada daripada segi kognitif, emosi ataupun tingkah laku (Bronfenbrenner, 1979).

Secara umumnya, Rice (1999) telah menyenaraikan beberapa jenis keluarga, iaitu keluarga ibu atau bapa tunggal, keluarga asas, keluarga luas, keluarga komunal, keluarga *gay* dan keluarga bersekedudukan. Setiap jenis keluarga terdiri daripada komposisi dan struktur yang berbeza. Di Malaysia pula, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengategorikan tujuh bentuk keluarga dalam struktur institusi kekeluargaan di Malaysia iaitu keluarga nuklear, keluarga komuter, keluarga tunggal, keluarga dwi-kerja, keluarga gabungan dan keluarga *sandwich* (Siaran Akhbar Harian Keluarga, KPWKM, 2010).

Menurut Rice (1999) pengaruh keluarga ke atas perkembangan individu remaja berbeza-beza bagi jenis keluarga yang berlainan kerana perbezaan daripada segi komposisi dan struktur keluarga. Setiap keluarga mempunyai persekitaran



kekeluargaan yang berbeza. Maka setiap jenis bentuk keluarga akan memberi impak yang berbeza terhadap perkembangan individu remaja. Bentuk keluarga yang berbeza adalah disebabkan oleh peranan, bimbingan dan corak asuhan serta didikan ibu bapa yang berbeza (Rice, 2001). Contohnya, kajian yang dijalankan terhadap keluarga ibu tunggal telah melaporkan bahawa masalah kewangan, kekurangan kasih sayang, persekitaran keluarga merupakan peramal penting ke atas perkembangan fizikal dan emosi anak remaja (Trentacosta *et al.*, 2008); manakala ibu bapa yang tidak tinggal bersama-sama dengan keluarga asas dibuktikan memberi kesan ke atas perubahan psikososial, masalah kecelaruan dan pencapaian akademik anak (Palmer, 2008; Norlila, 2011; Fawell, 2012).

Memandangkan keluarga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan anak remaja maka banyak kajian telah dijalankan ke atas faktor dan impak keluarga terhadap perkembangan anak remaja sama ada daripada segi perkembangan intelek, kognitif, personaliti, sosial mahupun emosi (Noller dan Callan 1991; Barber *et al.*, 1994; Steven *et al.*, 2002; Eisenberg *et al.*, 2004; Kiuru *et al.*, 2012; Anderson *et al.*, 2014). Kajian-kajian lepas banyak memberi fokus kepada jenis keluarga seperti keluarga bercerai, keluarga tunggal, keluarga berhijrah dan sebagainya (Amato dan Gilbreth, 1999; Demo dan Acock, 1996; Manning dan Lamb, 2001; Dunn, 2004; Kiernan dan Mensah, 2011; Villiger *et al.*, 2014). Namun, tinjauan mendapati bahawa kurang kajian dijalankan ke atas impak dan cabaran keluarga komuter terhadap perkembangan dan prestasi remaja dalam pencapaian akademik terutama di negara Asia (Anderson dan Spruill, 1993; Bergen, 2010).

Sehingga kini, hanya terdapat satu kajian tentang keluarga komuter di Malaysia yang dijalankan oleh Norlila (2011). Penyelidikan ke atas keluarga komuter perlu dijalankan memandangkan semakin ramai pasangan suami isteri telah mula melibatkan diri sebagai komuter untuk mencari rezeki demi keluarga dan kepuasan kerjaya. Tambahan lagi, gaya hidup keluarga komuter berbeza dengan pola tradisi keluarga yang lama diamalkan oleh masyarakat Malaysia (Abd Rahim Abd Rashid *et al.*, 2006; KPWKM, 2010; Norlila, 2011).

Gaya hidup keluarga komuter perlu dikaji dengan lebih lanjut dan mendalam demi kesejahteraan dan perkembangan institusi kekeluargaan pada masa depan. Ini kerana gaya hidup keluarga komuter yang berjauhan dengan keluarga asas berbeza dengan tradisi dan budaya kekeluargaan yang diamalkan di Malaysia (Abd Rahim Abd Rashid *et al.*, 2006; Norlila, 2011). Peningkatan pasangan yang terlibat sebagai komuter disebabkan kepuasan kerjaya dan rezeki kehidupan memang tidak dapat dielakkan demi pembangunan negara.

Impak dan hubungan antara kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga komuter, kecelaruan dengan masalah tingkah laku remaja, dan prestasi remaja di sekolah perlu dilihat. Ini bertujuan untuk memastikan gaya hidup keluarga komuter tidak menjejaskan perkembangan remaja daripada segi psikososial dan akademik. Sementara itu, kesediaan ibu bapa menerima hakikat sebagai keluarga komuter penting bagi memperihal sejauh mana signifikannya pemboleh ubah

tersebut dalam mempengaruhi perkembangan dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Kajian ini berharap memberi satu penemuan baru kepada masyarakat tentang gaya hidup keluarga komuter di Malaysia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Keluarga komuter didefinisikan sebagai keluarga yang terdiri daripada suami atau isteri atau kedua-duanya yang tidak tinggal bersama dengan keluarga asas tetapi bermalam di tempat yang berhampiran dengan pejabat atau tempat kerja secara tetap selama sekurang-kurangnya tiga atau empat malam seminggu. Ini kerana tempat kerja berada jauh daripada kediaman keluarga dan tidak sesuai untuk mereka berulang-alik setiap hari (Gerstel dan Gross, 1983; Winfield, 1985; Van der Klis dan Mulder, 2008 ;Van der klis, M. dan Karstern, L. 2009). Di Malaysia, keluarga komuter atau lebih dikenali sebagai keluarga hujung minggu didefinisikan sebagai bentuk keluarga yang salah satu pasangan tinggal di tempat lain dan berjumpa sekali atau dua kali dalam seminggu atau sebulan (Norlila, 2011).

Struktur keluarga komuter yang tiada kehadiran suami atau isteri atau kedua-duanya dalam kehidupan seharian pada tempoh masa tertentu telah menyebabkan tanggungjawab kekeluargaan yang sepatuhnya dipikul bersama-sama telah menjadi beban kepada salah seorang suami atau isteri yang bukan merupakan komuter (Anderson dan Spruill 1993; Van der Klis, 2009). Gaya hidup keluarga komuter telah membawa kesan bukan sahaja kepada individu komuter tersebut tetapi juga anggota keluarga lain daripada segi kesihatan, kewangan, hubungan dan perkembangan psikososial (Anderson dan Spruill, 1993). Struktur keluarga komuter yang memisahkan anak dengan bapa atau ibu telah mengubah pola tradisi keluarga di Malaysia kepada bentuk keluarga non-tradisi. Menurut McCartin dan Meyer (1988), pencapaian akademik anak daripada keluarga non-tradisi adalah kurang memuaskan jika dibandingkan dengan anak dalam kalangan keluarga berbentuk tradisi (Ronald *et al.*, 2003).

Di Malaysia, impak dan cabaran keluarga komuter ke atas kesejahteraan dan perkembangan anak telah mula dipersoalkan. Kajian pertama telah dilaporkan oleh Norlila (2011) yang memberi tumpuan ke atas keluarga komuter dengan tajuk “Hubungan Faktor Psikososial Komuter dengan Pendidikan Anak”. Hasil laporan tersebut telah berjaya menghasilkan satu pangkalan data ringkas berkenaan keluarga komuter di Malaysia untuk rujukan para penyelidik.

Menurut kajian Norlila (2011), hanya 30 orang daripada populasi 224 komuter memberi persepsi positif terhadap gaya hidup sebagai keluarga komuter. Keadaan ini membimbangkan masyarakat Malaysia apabila hasil kajian mendapati komuter yang berpersepsi negatif memberi impak kepada kawalan emosi dan masalah psikososial yang secara tidak langsung mempengaruhi isu pendidikan anak.

Individu komuter yang berpersepsi negatif melaporkan bahawa mereka kurang kesediaan dan kerelaan menerima hakikat sebagai komuter atas sebab-sebab seperti umur anak masih kecil, baru berkahwin, dipaksa oleh majikan, arahan segera daripada majikan tanpa persediaan, tiada sokongan keluarga dan masyarakat. Mereka sering diganggu dengan masalah psikososial seperti tekanan emosi, stres, serta kesunyian yang telah memberi impak negatif bukan sahaja kepada kerjaya tetapi juga anggota keluarga dan komuniti terdekat seperti jiran tetangga dan saudara-mara (Norlila, 2011).

Hasil kajian Norlila (2011) telah membuktikan bahawa kesediaan pasangan untuk menerima, menyesuaikan diri dan memulakan gaya hidup sebagai keluarga komuter adalah penting. Kesediaan untuk berkomuter akan memberi kesan ke atas perubahan psikososial seseorang komuter dan secara tidak langsung mempengaruhi kesejahteraan dan perkembangan keluarga (Riggs, 1990; Burke dan Moskos, 1996). Dalam perkataan lain, kesediaan berkomuter perlu ada bagi memastikan gaya hidup dan kesejahteraan keluarga komuter yang terpaksa berjauhan dengan keluarga asas tidak terjejas.

### **1.2.1 Kesediaan Ibu Bapa**

Kesediaan didefinisikan sebagai kesanggupan dan kerelaan dalam melakukan sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003). Sehingga kini, kajian berkenaan dengan kesediaan keluarga adalah lebih menjurus kepada keluarga komuter yang melibatkan dalam kerjaya perkhidmatan tentera di Barat. Kajian lepas telah menekankan kepentingan kesediaan keluarga komuter tentera dalam menangani cabaran dan rintangan yang mungkin dihadapi dalam kehidupan berjauhan dan berpisah serta impaknya ke atas keharmonian kekeluargaan, perkembangan anak dan hubungan suami isteri (Riggs, 1990). Burke dan Moskos (1996) telah mendefinisikan kesediaan keluarga dalam bidang kerjaya tentera sebagai:

*“a family’s ability to positively adapt to and/or effectively deal with the stressors associated with military duties an a military lifestyle.”*

*(Dieryck, 2003, hlm 5)*

Keluarga yang menjalani kehidupan berasingan dengan keluarga asas demi kerjaya termasuk keluarga tentera diistilahkan sebagai keluarga komuter oleh Grestel dan Gross (1983). Walaupun kajian tentang kesediaan dilakukan terhadap keluarga tentera tetapi konsep kesediaan keluarga komuter harus diaplikasikan kepada keluarga komuter daripada kerjaya yang lain seperti penjawat awam, peniaga, pensyarah dan sebagainya yang turut menjalani hidup berjauhan dengan keluarga asas.

kepentingan aspek kesediaan dipersetujui dalam kajian Norlila (2011) yang melaporkan bahawa ibu bapa yang kurang kesediaan untuk menyesuaikan diri dalam gaya hidup keluarga komuter sering menghadapi masalah psikososial seperti stres, emosi kurang stabil, cepat naik marah, kelam kabut dan sebagainya (Norlila, 2011). Tahap kesediaan adalah berhubungkait dengan perubahan psikososial individu komuter. Kajian lepas turut melaporkan bahawa psikososial ibu bapa adalah berkolerasi dan memberi impak ke atas bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga dan perkembangan remaja. (Fletcher, 1996; Norwood *et al.*, 1996; Pfefferbaum, 1997; Finker *et al.*, 2003; Wright *et al.*, 2006; Conger dan Donnellan, 2007; Palmer, 2008).

### 1.2.2 Bimbingan Ibu Bapa

Tahap kesediaan ibu bapa membawa kepada perubahan psikososial dan berhubungkait dengan bimbingan ibu bapa (Georgiades *et al.*, 2008; Yeung dan Chan 2010). Psikososial akan memberi impak ke atas bimbingan ibu bapa (Norlila, 2011). Ibu bapa yang tiada masalah psikososial dipercayai dapat memberi bimbingan yang lebih baik dan berkualiti kepada anak mereka. Hoover-Dempsey dan Sandler (1997) mengatakan bahawa ibu bapa yang berkognitif positif terhadap didikan kekeluargaan akan memberi lebih sokongan dan bimbingan dalam aktiviti pembelajaran anak sama ada di peringkat sekolah mahupun di rumah (Kim *et al.*, 2013). Sebaliknya, ibu bapa yang stres, bertingkah laku agresif, dan mengalami kerisauan dalam kehidupan seharian akan memberi impak negatif kepada pendidikan keluarga (Pugh dan Farrell, 2012).

Bimbingan ibu bapa akan menentukan perkembangan dan masa depan seseorang remaja. Bimbingan ibu bapa yang melibatkan pemantauan, penyeliaan dan penglibatan dalam aktiviti harian anak akan memberi kesan positif terhadap perkembangan dan kesejahteraan anak; manakala ibubapa yang kurang memberi penyeliaan dan kawalan kepada anak akan menyebabkan emosi dan penyesuaian anak yang tidak stabil (Keith, 1994; Rodriguez, 2002; Ishak, 2004; Gershoff *et al.*, 2007). Selain itu, corak dan kualiti bimbingan, bentuk didikan dan gaya asuhan ibu bapa juga dibuktikan mempengaruhi perkembangan seseorang remaja (Patrik *et al.*, 2004; Dumka *et al.*, 2009).

Melalui amalan bimbingan dan gaya kepimpinan, ibu bapa dapat mempengaruhi kejayaan dan perkembangan seseorang anak dalam pencapaian akademik dan pembentukan personaliti (Azizi, 2008; Dumka *et al.*, 2009). Kajian di negara-negara Asia melaporkan bahawa kualiti penglibatan dan penyeliaan ibu bapa akan memberi impak positif ke atas pencapaian akademik anak walaupun dengan tahap sosio-ekonomi keluarga yang rendah (Ho dan William 1996; Ho 2003). Bimbingan ibu bapa merupakan kunci kejayaan anak di sekolah (Bogenschneider, 1997; Yonezawa, 2000; Gershoff *et al.*, 2007).

Kepentingan bimbingan ibu bapa sebagai pengantara dalam perkembangan anak remaja daripada segi tingkah laku dan pencapaian akademik telah lama dibuktikan melalui kajian terdahulu (Rhule, 2004; Elgar *et al.*, 2007). Kajian Villiger *et al.*, (2014) menekankan bahawa galakan dan motivasi pembelajaran akan memberi impak positif ke atas pencapaian akademik anak sekiranya ibu bapa memberi lebih penglibatan dan penyeliaan dalam pembelajaran anak mereka. Bimbingan ibu bapa merupakan pengantara utama dalam hubungan antara sosio-ekonomi kekeluargaan dengan prestasi anak di sekolah (Kiernan dan Mensah, 2011). Psikososial ibu berhubungkait dengan didikan kekeluargaan; dan didikan kekeluargaan dipercayai memberi impak ke atas perkembangan dan pencapaian anak remaja (Barry *et al.*, 2009; DiClemente *et al.*, 2001).

### 1.2.3 Persekitaran Keluarga

Selain bimbingan ibu bapa, kesediaan ibu bapa turut berhubungkait dengan persekitaran keluarga. Menurut Norwood *et al.*, (1996), keluarga yang mempunyai kesediaan menyesuaikan diri dalam persekitaran baru dapat menjalankan pengurusan kekeluargaan dengan lebih sistematik dan lancar. Tahap kesediaan yang rendah dengan masalah psikososial seperti emosi tertekan dan stres secara tidak langsung akan menjejaskan hubungan kekeluargaan (Wright *et al.*, 2006). Peningkatan tahap tekanan dan stres memberi kesan negatif kepada kejelekitan, ekspresi, fungsi kekeluargaan, hubungan, organisasi keluarga dan seterusnya meningkatkan konflik dalam keluarga (Eastman *et al.*, 1990; Burrell, 2006). Kesediaan dalam perubahan gaya hidup bertujuan memastikan fungsi kekeluargaan dijalankan dengan sempurna (Webb, 2004).

Ibu atau bapa yang berkomuter tidak dapat bersama dengan anak mereka setiap hari menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi kurang mesra. Situasi ini mengakibatkan anak kurang mengadakan perbincangan bersama, kurang mengeluarkan pandangan dan sukar mendapat nasihat ibu bapa apabila menghadapi masalah dalam kehidupan harian. Sebaliknya mereka akan cuba menyelesaikan dengan cara sendiri atau mengikut hala tuju rakan sebaya yang mungkin membawa kesan positif atau kesan negatif kepada anak tersebut (Jackson *et al.*, 2000).

Persekitaran keluarga termasuk hubungan kekeluargaan, sistem organisasi keluarga, didikan moral dan dimensi perkembangan personal berkorelasi dengan pencapaian akademik anak (Kiernan dan Mensah, 2011). Persekitaran keluarga yang ramah mesra serta mempunyai sistem penyelenggaraan yang teratur akan meningkatkan prestasi anak di sekolah (Roche dan Ghazarian, 2012). Hubungan dan sokongan daripada keluarga penting dalam pencapaian akademik dan perkembangan tingkah laku remaja (Woolley dan Grogan-Kaylor, 2006; Han *et al.*, 2012).

Persekitaran keluarga memberi kesan pengantaraan dalam menjayakan prestasi anak remaja di sekolah. Perubahan gaya hidup akan memberi impak ke atas perkembangan anak daripada segi masalah kecelaruan dan pencapaian di sekolah

melalui persekitaran keluarga (Anderson *et al.*, 2014). Kesiediaan dan perubahan ibu bapa untuk menyesuaikan diri dalam situasi baru akan memberi pengaruh ke atas persekitaran keluarga yang secara tidak langsung memberi kesan kepada perkembangan anak remaja (Norwood *et al.*, 1996). Martin (1999) dalam kajiannya turut menekankan bahawa masalah psikososial ibu bapa seperti stres akan memberi impak negatif ke atas hubungan kekeluargaan terutama hubungan ibu bapa dengan anak yang secara tidak langsung menjejaskan pencapaian anak di sekolah.

#### 1.2.4 Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku Remaja

Ibu bapa adalah teras bagi sesebuah keluarga dan berperanan sebagai agen sosialisasi dalam kehidupan anak (Ishak, 2004). Menurut Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977), anak akan bertindak dengan memperlihatkan dan mencontohi tingkah laku ibu bapa atau individu dewasa di sekitarnya (Deater-Deckard dan Dodge, 1997). Sehubungan itu, kesiediaan ibu bapa adalah penting dan berhubungkait dengan perkembangan tingkah laku anak remaja. Ini kerana kesiediaan membawa kepada perubahan psikososial dan tingkah laku ibu bapa, anak akan mencerminkan masalah psikososial ibu bapa seperti agresif, kemarahan dan sebagainya dalam situasi yang dihadapinya nanti (Pfefferbaum, 1997).

Tidak dinafikan keluarga memberi kesan ke atas kesejahteraan dan perkembangan anak (Temple dan Reynolds, 1999; Palmer, 2008). Tingkah laku ibu bapa sering menjadi teladan kepada anak remaja, dan tingkah laku ibu bapa berhubungkait dengan tingkah laku agresif seseorang anak (Thornberry *et al.*, 2009). Emosi ibu bapa dibuktikan memberi impak ke atas perkembangan psikososial dan pencapaian anak remaja (Schwab *et al.*, 1995; Kelly *et al.*, 2001). Tinjauan menunjukkan masalah psikososial ibu seperti kerisauan, agresif berkait rapat dengan masalah kecelaruhan dan masalah tingkah laku anak (Shaw *et al.*, 2005; Pugh dan Farrell, 2012). Di samping itu, psikososial keluarga seperti stres dan keadaan tertekan merupakan peramal ke atas kecelaruhan anak remaja (Campbell *et al.*, 2002).

Masalah kecelaruhan berkorelasi dengan pencapaian akademik anak. Kekukuhan hubungan dan kesan tersebut telah lama dibuktikan berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas (Knight *et al.*, 2002; Windle dan Wiesner, 2004). Masalah tingkah laku anak berkorelasi dengan pencapaian yang rendah di sekolah; peningkatan simptom kesunyian dan tekanan anak mempunyai hubungan negatif dengan prestasi sekolah (Frojd *et al.*, 2008; Fergusson dan Woodward, 2002; Wampler *et al.*, 2002); remaja yang bermasalah kecelaruhan seperti simptom kesusihan dipercayai akan memperoleh pencapaian akademik yang kurang cemerlang (Maurizi, 2013).

Kecelaruhan dan masalah tingkah laku memberi kesan ke atas gaya asuhan ibu bapa seterusnya pencapaian akademik anak (McNeal, 1999). Penyesuaian diri dalam persekitaran baru akan memberi dorongan dan motivasi kepada kualiti dan bentuk didikan keluarga. Ini secara tidak langsung mengurangkan kecelaruhan dan masalah tingkah laku remaja dan meningkatkan prestasi remaja di sekolah. Ronald (2003)

dalam kajiannya mendapati bahawa kecelaruan remaja akan memberi impak ke atas hubungan sosio-budaya kekeluargaan dengan pencapaian akademik. Masalah psikososial ibu memberi kesan ke atas kecelaruan remaja; dan kecelaruan remaja berhubungkait dengan pencapaian dan prestasi remaja di sekolah (Fergusson dan Woodward, 2000; Malecki dan Elliott, 2002; Palmer *et al.*, 2008).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Trend keluarga komuter di Malaysia semakin hari semakin ketara. Keluarga komuter bukan satu struktur keluarga yang baru. Namun, keluarga komuter baru sahaja disenaraikan dalam struktur institusi kekeluargaan di Malaysia pada tahun 2010 disebabkan trend peningkatan dan penglibatan yang ketara (Norlila, 2011). Impak dan cabaran keluarga komuter ke atas kesejahteraan dan perkembangan institusi keluarga di Malaysia telah mula dipersoalkan. Ini kerana gaya hidup keluarga komuter yang berjauhan dengan keluarga asas merupakan gaya hidup yang berbeza dengan model konvensional keluarga yang lama diamalkan di Malaysia (Abd Rahim Abd Rashid *et al.*, 2006; Norlila, 2011).

Laporan menunjukkan bahawa hampir 25% daripada populasi di Lembah Klang merupakan keluarga komuter yang jauh berpisah demi rezeki kehidupan (KPWKM, 2010; Norlila, 2011). Penglibatan suami isteri dalam kehidupan berkomuter tidak dapat dielakkan demi kepuasan kerjaya individu dan pembangunan negara. Sehubungan itu, impak dan cabaran keluarga komuter perlu ditinjau dengan lebih mendalam bagi memastikan gaya hidup keluarga komuter yang berbeza dengan pola tradisi keluarga di Malaysia tidak menjejaskan perkembangan dan kesejahteraan anak remaja.

Keluarga merupakan sistem yang paling penting dalam perkembangan individu anak terutama di peringkat perkembangan remaja (Erik Erikson, 1950; Bronfenbrenner, 1979). Didikan dan bimbingan ibu bapa akan mempengaruhi tahap kesejahteraan sesebuah keluarga dan perkembangan seseorang anak remaja (Aufseeser *et al.*, 2006; Zakaria dan Salleh, 2011). Tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa gaya hidup keluarga komuter di Malaysia memberi impak ke atas psikososial ibu bapa dan persekitaran keluarga. Pasangan yang tinggal berjauhan dan terpaksa berulang-alik sering menghadapi masalah psikososial dalam menyeimbangkan tanggungjawab antara kerjaya dengan isi rumah (Norlila, 2011). Masalah psikososial seperti tekanan emosi, perasaan serba salah, murung, risau, kesunyian sering berlaku ke atas pasangan daripada keluarga komuter (Evers *et al.*, 2000; Jones *et al.*, 2002). Keadaan ini membimbangkan kerana ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pengurusan dan perkembangan sesebuah institusi keluarga.

Ibu bapa yang bermasalah psikososial akan memberi impak ke atas prestasi dan perkembangan anak serta menjejaskan kesejahteraan keluarga. Eastman (1990) dalam kajiannya ke atas kehidupan berkomuter melaporkan bahawa kehidupan stres pasangan suami isteri telah menjejaskan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan

konflik antara anggota keluarga. Begitu juga dalam kajian Palmer (2008) yang menunjukkan bahawa ibu bapa yang mengalami tekanan emosi kerana gaya hidup berkometer akan memberi impak ke atas hubungan sesama anak, prestasi sekolah anak dan masalah psikososial anak.

Di Malaysia maka kajian pertama telah dijalankan oleh Norlila (2011) dalam melihat impak dan cabaran keluarga komuter. Hasil kajian menunjukkan bahawa 86.6% komuter berpersepsi negatif terhadap kehidupan keluarga komuter. Mereka tidak menyukai dan tidak bersedia menerima hidupan sebagai komuter. Mereka sering diganggu dengan masalah psikososial seperti tertekan emosi, kesunyian, murung, kerisauan, senang marah dan sebagainya. Keadaan ini telah memberi impak negatif ke atas kehidupan harian keluarga komuter.

Komuter yang berpersepsi negatif disebabkan oleh faktor seperti kekurangan sokongan daripada pihak keluarga, masalah kewangan, anak yang masih kecil, masalah pembahagian tanggungjawab dan urusan keluarga. Di samping itu, kebanyakan komuter mengadu bahawa mereka dipaksa dan diarahkan oleh majikan untuk menjalankan tugas yang memerlukan mereka berpisah dengan keluarga asas tanpa pemberitahuan awal atau memberi tempoh untuk keluarga bersedia dan menyesuaikan diri (Norlila, 2011).

Keadaan ini membimbangkan masyarakat Malaysia apabila hasil kajian menunjukkan bahawa masalah psikososial komuter mempunyai hubungkait rapat dengan isu pendidikan anak. Psikososial kerisauan dan tekanan emosi mempunyai hubungan dengan isu didikan anak daripada aspek perbincangan sesama anak, penerapan nilai-nilai murni terhadap anak dan salahlaku anak (Norlila, 2011). Hasil kajian tersebut telah memberi gambaran bahawa pasangan suami isteri masih belum bersedia untuk mengubah gaya hidup keluarga yang lama diamalkan. Namun, trend keluarga komuter masih dan akan terus meningkat demi mencari rezeki kehidupan, kepuasan kerjaya dan pembangunan negara. Sehubungan itu, tinjauan diperlukan dalam memperihalkan impak kesediaan ibu bapa ke atas perkembangan dan kesejahteraan keluarga.

Memandangkan trend keluarga komuter semakin ketara di Malaysia sedangkan kajian tentang keluarga komuter di Malaysia sangat sedikit maka kajian ini penting. Sebarang penemuan baru tentang impak dan kesan gaya hidup keluarga komuter di Malaysia mampu menyumbang kepada pertambahan ilmu. Berdasarkan kajian lepas yang terhad serta tinjauan yang menekankan kepentingan kesediaan dalam keluarga komuter maka kajian ini telah menggabungkan pemboleh ubah yang penting untuk memperihalkan sejauh mana gaya hidup keluarga komuter di Malaysia memberi kesan terhadap perkembangan dan prestasi remaja di sekolah.

Kajian ini bertujuan melihat kesan pengantaraan hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi sekolah remaja. Sejauh manakah hubungan antara kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah



laku remaja, dengan prestasi remaja di sekolah? Adakah kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja merupakan peramal ke atas prestasi remaja di sekolah? Adakah bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja memberi kesan pengantaraan dalam hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah? Persoalan-persoalan di atas perlu dijawab bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak dan cabaran keluarga komuter di Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian bertujuan menyelidik bentuk dan kesan pengantaraan bagi hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah melalui pengantara iaitu bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja. Bagi mencapai tujuan itu objektif-objektif kajian berikut dibentuk:

1. Memperihailkan profil demografi, prestasi remaja di sekolah, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja, serta kesediaan ibu bapa dalam kalangan keluarga komuter.
2. Mengenal pasti hubungan antara kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja dengan prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter.
3. Mengenal pasti pengaruh, kesan langsung dan kesan tidak langsung kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter.
4. Mengenal pasti bentuk dan kesan pengantaraan bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah ciri demografi keluarga komuter?
2. Apakah prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter daripada aspek pencapaian peperiksaan dan skor kokurikulum?
3. Apakah tahap bimbingan ibu bapa ke atas remaja dalam kalangan keluarga komuter daripada aspek penglibatan dan penyeliaan?
4. Apakah status persekitaran keluarga komuter daripada tiga dimensi iaitu dimensi hubungan kekeluargaan, dimensi perkembangan personal dalam keluarga dan dimensi sistem penyelenggaraan keluarga?
5. Apakah tahap kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja dalam kalangan keluarga komuter daripada aspek kecelaruan, masalah tingkah laku dan masalah-masalah lain?

6. Apakah tahap kesediaan ibu bapa daripada aspek kesediaan kognitif, kesediaan emosi dan kesediaan tingkah laku?

## 1.6 Hipotesis Kajian

- H<sub>1</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah.
- H<sub>2</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan ibu bapa dengan bimbingan ibu bapa.
- H<sub>3</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah.
- H<sub>4</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan ibu bapa dengan dimensi persekitaran keluarga.
- H<sub>5</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi persekitaran keluarga dengan prestasi remaja di sekolah.
- H<sub>6</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan ibu bapa dengan kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja.
- H<sub>7</sub> Terdapat hubungan yang signifikan antara kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja dengan prestasi remaja di sekolah.
- H<sub>8</sub> Kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja memberi pengaruh yang signifikan ke atas prestasi remaja di sekolah.
- H<sub>9</sub> Bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja merupakan pengantara bagi hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah.

Secara ringkasnya, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian telah dirumuskan dalam bentuk jadual di Lampiran A.

## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini akan membincangkan definisi operasional bagi istilah keluarga komuter, kesediaan ibu bapa, persekitaran keluarga, bimbingan ibu bapa, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja serta prestasi remaja di sekolah.

### 1.7.1 Keluarga Komuter

Keluarga komuter didefinisikan sebagai keluarga yang terdiri daripada suami atau isteri atau kedua-duanya yang tidak tinggal bersama keluarga asas tetapi bermalam di satu tempat yang tetap yang berhampiran dengan pejabat atau tempat kerja selama tiga atau empat malam seminggu (Gerstel dan Gross, 1983; Anderson dan Spruill, 1993; Van der Klis, 2009).

Di Malaysia, keluarga komuter atau dikenali juga sebagai “*weekend families*” didefinisikan sebagai keluarga yang salah satu pasangan tinggal di tempat lain dan berjumpa sekali atau dua kali dalam seminggu atau sebulan (KPWKM, 2010). Dalam kajian ini, keluarga komuter merujuk kepada keluarga yang suami atau isteri atau kedua-duanya merupakan komuter yang tidak tinggal bersama dengan keluarga asas tetapi bermalam di satu lokasi atau tempat yang tetap dan berhampiran dengan tempat kerja sekurang-kurangnya tiga malam dalam seminggu. Keluarga komuter dalam kajian ini mesti terdiri daripada ibu kandung dan bapa kandung serta telah berkomuter sekurang-kurangnya dalam tempoh masa dua belas bulan (setahun) pada 1 Januari 2013.

### **1.7.2 Kesediaan Ibu Bapa**

Kesediaan membawa makna kerelaan atau kesanggupan melakukan sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003). Di Barat, keluarga tentera sanggup menjalani hidup sebagai keluarga komuter dan istilah kesediaan biasa digunakan. Keluarga komuter yang terdiri daripada anggota tentera percaya bahawa kesediaan keluarga untuk berkomuter akan memberi impak positif dalam pengurusan dan kesejahteraan kekeluargaan sewaktu menjalankan tugas yang berjauhan daripada keluarga (Webb, 2004).

Dalam kajian ini, kesediaan ibu bapa merujuk kepada keinginan dan kerelaan ibu bapa untuk menerima, mengubah dan melibatkan diri dalam penyesuaian gaya hidup keluarga komuter. Tahap dan skor kesediaan ibu bapa diukur dengan menggunakan Inventori Kesediaan Ibu Bapa yang dibangunkan oleh pengkaji khas untuk keluarga komuter. Tahap kesediaan dibahagikan kepada lima peringkat mengikut Teori Tahap Perubahan iaitu tahap pra-pertimbangan, tahap pertimbangan, tahap kesediaan, tahap tindakan dan tahap penyelenggaraan (Prochaska dan DiClemente, 1984). Tiga dimensi diukur iaitu kesediaan kognitif, kesediaan emosi dan kesediaan tingkah laku. Skor dan tahap kesediaan ibu bapa yang diperoleh dalam kajian ini akan dikaitkan dengan psikososial ibu bapa dalam perbincangan.

### **1.7.3 Persekitaran Keluarga**

Menurut Moos dan Moos (1981; 2002) persekitaran keluarga bermaksud iklim sosial sesebuah keluarga yang boleh dilihat melalui tiga dimensi iaitu dimensi hubungan kekeluargaan, dimensi perkembangan personal dalam keluarga, dan dimensi sistem penyelenggaraan. Setiap keluarga mempunyai persekitaran kekeluargaan yang berbeza kerana perbezaan daripada segi struktur keluarga, gaya asuhan, bimbingan, budaya, peraturan dan sebagainya (Rice, 1999; Breivik dan Olweus, 2006).

Dalam kajian ini, persekitaran keluarga akan merujuk kepada Skala Persekitaran Keluarga yang telah diubahsuai oleh sekumpulan pakar penyelidik dari Universiti Putra Malaysia daripada instrumen asal “*Family Environment Scale*” (Moos, 1981;

1994). Skala diubahsuai berdasarkan budaya dan sosial masyarakat keluarga di Malaysia serta dituliskan dalam bahasa kebangsaan Malaysia (Sharifah Md Nor *et al.*, 2010). Skala tersebut turut memberi fokus kepada tiga dimensi yang dicadangkan oleh Moos dan Moss (1981; 2002). Sebanyak sepuluh subskala dilihat dan dibincangkan melalui ketiga-tiga dimensi tersebut iaitu kejelekitan, ekspresi, konflik, berdikari, orientasi pencapaian, orientasi intelektual budaya, orientasi rekreasi, orientasi moral keagamaan, penyusunan organisasi dan kawalan.

#### **1.7.4 Bimbingan Ibu Bapa**

Bimbingan ibu bapa didefinisikan sebagai pendidikan keluarga yang merangkumi ilmu fizikal, ilmu sains moden dan ilmu kerohanian untuk melengkapkan emosi, spiritual, mental dan akhlak anak (Azizi, 2008).

Bimbingan ibu bapa dalam kajian ini diukur dengan menggunakan Inventori Bimbingan Ibu Bapa yang dibangunkan oleh pengkaji khas untuk keluarga komuter. Instrumen ini memberi fokus kepada dua aspek utama iaitu penglibatan dan penyeliaan ibu bapa ke atas kehidupan harian remaja termasuk di peringkat sekolah dan di rumah. Bimbingan ibu bapa yang diukur merangkumi perkara seperti pergerakan harian remaja, pergaulan remaja, masa depan remaja, pelajaran remaja, tingkah laku remaja dan sebagainya.

#### **1.7.5 Kecelaruhan dan Masalah Tingkah Laku Remaja**

Menurut Achenbach dan Edelbrock (1978; 1991), kecelaruhan dan masalah tingkah laku berlaku di kalangan individu remaja yang gagal dalam peringkat perkembangan remaja. Kegagalan dalam pembentukan identiti dan konsep sendiri di peringkat remaja akan membawa masalah kecelaruhan seperti tekanan emosi, tingkah laku delinkuen, kemurungan dan sebagainya.

Dalam kajian ini, kecelaruhan dan masalah tingkah laku remaja dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu kecelaruhan (*internalizing problem*), masalah tingkah laku (*externalizing problem*) dan masalah-masalah lain (*others problem*) berdasarkan Laporan Kendiri Remaja (*Youth Self-Report, 1999*) yang dibangunkan oleh Achenbach (1991). Tahap dan min skor diukur dengan menggunakan Laporan Kendiri Remaja yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh pihak penerbit instrumen. Sebanyak lapan simptom dibincangkan iaitu simptom kerisuan, kesisihan, aduan somatik, tingkah laku delinkuen, tingkah laku agresif, masalah sosial, masalah pemikiran dan masalah tumpuan.

### **1.7.6 Prestasi Remaja di Sekolah**

Prestasi remaja di sekolah merupakan tahap pencapaian dan kemajuan seseorang pelajar di sekolah. Prestasi sekolah terutamanya pencapaian peperiksaan sering menjadi alat pengukur perkembangan intelek dan kognitif pelajar dalam bidang psikologi (Zalizan *et al.*, 2001).

Dalam kajian ini, prestasi remaja merujuk kepada pencapaian remaja dalam peperiksaan dan kokurikulum di peringkat sekolah menengah kebangsaan. Markah dan skor purata akan dirujuk dan sistem gred (*Grade Point Average, GPA*) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) digunakan sebagai alat pengukuran. Sistem gred mengategorikan prestasi remaja kepada lima gred utama iaitu gred A (skor 80-100), gred B (skor 79-60), gred C (skor 59-40), gred D (skor 39-20) dan gred E (skor 19 dan ke bawah).

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Tinjauan ke atas impak dan cabaran keluarga komuter adalah penting kerana gaya hidup keluarga komuter yang unik dan berbeza dengan pola tradisi kekeluargaan di Malaysia. Ekoran daripada hasil kajian pertama di Malaysia yang melaporkan bahawa lebih daripada 80% komuter di Malaysia berpersepsi negatif terhadap gaya hidup keluarga komuter dan mengalami masalah psikososial yang telah membawa impak ke atas pendidikan anak maka kajian selanjutnya perlu ditinjau dengan lebih mendalam (Norlila, 2011).

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan dengan hubungan dan kesan kesediaan ibu bapa, bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter. Di samping itu, kesan pengantaraan bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas hubungan kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah juga diperihalkan. Ini bertujuan menghasilkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak keluarga komuter ke atas perkembangan dan kesejahteraan sesebuah keluarga terutamanya dalam perkembangan akademik anak remaja. Secara umumnya, kepentingan kajian dapat dijelaskan daripada dua aspek utama iaitu aspek teori dan aspek amalan praktik.

### **1.8.1 Kepentingan daripada Aspek Teori**

Kajian ini penting dalam menampung kekurangan rujukan ke atas impak dan kesan gaya hidup keluarga komuter di Malaysia. Tinjauan setakat ini mendapati hanya terdapat satu kajian tentang keluarga komuter di Malaysia dan kajian di negara Asia juga adalah terhad. Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat memberi lebih maklumat dan sebarang dapatan merupakan penemuan baru dalam kajian keluarga komuter bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Asia yang mempunyai gaya dan budaya kekeluargaan yang hampir serupa dengan sosio-budaya di Malaysia.

Model yang dicadangkan bertujuan memberi penerangan yang lebih komprehensif tentang sumbangan kesediaan ibu bapa, persekitaran keluarga, bimbingan ibu bapa, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas prestasi remaja di sekolah. Di samping itu, model turut diharap dapat memberi penjelasan tentang kesan pengantaraan bagi tiga pengantara iaitu bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja ke atas hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah. Ini adalah suatu penemuan baru dalam kajian keluarga komuter. Dengan ini, dapatan kajian boleh menyumbang kepada pembinaan dan pengembangan teori berkaitan dengan pemboleh ubah yang dikaji.

Tinjauan mendapati kajian tentang impak dan kesan keluarga komuter jarang dijalankan terutamanya di negara-negara Asia. Sehubungan itu, teori tentang hubungan antara peranan ibu bapa berkomuter dan persekitaran keluarga komuter yang berdasarkan sosio-budaya dan corak kehidupan keluarga Barat ke atas perkembangan anak remaja cuba dikaitkan dan dibuktikan dalam kajian ini. Justeru itu, kajian ini dipercayai dapat menguji kesahan dan kesesuaian teori secara empirikal. Ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada bidang psikologi pendidikan berdasarkan persepektif dalam konteks keluarga komuter Malaysia.

Kajian ini turut penting dalam menghasilkan satu model komprehensif yang disokong secara empirikal. Tinjauan mendapati sehingga kini masih tiada kajian yang menggabungkan ketiga-tiga pengantara dalam satu model bagi melihat kesan dan bentuk pengantaraan dalam keluarga komuter. Kajian ini telah menggunakan analisis laluan dalam melihat hubungan, pengaruh, kesan, sumbangan dan bentuk pengantaraan konstruk pemboleh ubah ke atas prestasi remaja di sekolah dalam keluarga komuter. Dapatan ini bukan sahaja dapat menampung jurang penyelidikan dan memberi perspektif baru dalam kajian psikologi pendidikan tetapi juga dapat membuktikan kesignifikan penggunaan teknik analisis statistik kompleks dalam bidang sosial sains.

### **1.8.2 Kepentingan daripada Aspek Amalan Praktik**

Secara praktiknya, kajian ini dapat menghasilkan maklumat yang penting tentang impak dan gaya hidup keluarga komuter ke atas prestasi remaja. Dapatan kajian penting dalam memberi input kepada pihak pasangan suami isteri yang merancang untuk berkomuter atau sedang menjalani kehidupan berkomuter. Maklumat tentang impak gaya hidup keluarga komuter ke atas perkembangan anak remaja yang merangkumi kecelaruan, masalah tingkah laku dan prestasi remaja di sekolah diterangkan pada akhir kajian. Maklumat tersebut dijangka dapat menjadi rujukan kepada pasangan tentang peranan keibubapaan dan persekitaran keluarga ke atas perkembangan individu anak terutama anak yang berada pada peringkat perkembangan remaja. Selain itu, hasil kajian juga dapat memberi gambaran kasar kepada pasangan yang berancang untuk berkomuter terhadap persekitaran keluarga komuter dan impaknya ke atas kesejahteraan keluarga. Ini penting supaya langkah kesediaan awal boleh dirancang oleh pasangan suami isteri.

Maklumat kajian juga akan memberi sumbangan kepada pihak majikan dalam merancang dan menghasilkan satu program kesediaan kepada pekerja yang terpaksa berkomuter demi pembangunan kerjaya dan kemajuan syarikat. Program kesediaan penting dalam memastikan gaya hidup berkomuter bukan sahaja tidak menjejaskan kesejahteraan dan perkembangan keluarga malah membawa manfaat kepada kerjaya pekerja dan syarikat.

Hasil kajian yang memberi tumpuan kepada prestasi, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja juga memberi input kepada pihak pengurusan sekolah. Dapatan kajian boleh memberi kesedaran kepada pihak pengurusan sekolah tentang kepentingan peranan mereka untuk memberi bantuan khas kepada pelajar daripada keluarga komuter. Program-program tertentu seperti kelas tambahan selepas sekolah, program temubual bersama keluarga, program kaunseling dan lain-lain boleh diadakan bagi memastikan perkembangan dan kesejahteraan pelajar tidak diabaikan dalam keluarga komuter.

Dapatan kajian diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para penyelidik yang berminat dalam kajian keluarga komuter atau kajian yang berkaitan. Sumber ini penting sebagai rujukan tambahan selain rujukan kini yang terhad. Dapatan boleh menjadikan sumber rujukan kepada para penyelidik terutama dalam bidang psikologi pendidikan bagi menyediakan program intervensi tentang kesediaan keluarga dalam menerima gaya hidup berkomuter, sistem penyelenggaraan urusan kekeluargaan, didikan keluarga yang bersesuaian dengan kehidupan keluarga komuter dan sebagainya.

Bagi menjayakan perkembangan remaja dari segi kognitif, emosi dan tingkah laku, kajian psikologi pendidikan bukan sahaja perlu memberi fokus kepada perkembangan pelajar di dalam bilik darjah tetapi turut perlu memberi fokus kepada pengaruh persekitaran individu pelajar. Dapatan yang diperolehi melalui kajian persekitaran keluarga pelajar akan memberi lebih pengetahuan kepada pihak penyelidik dalam menyediakan sistem pengajaran yang lebih berkesan. Secara ringkasnya, hasil kajian ini penting bagi semua pihak. Ini kerana kesejahteraan keluarga akan membantu dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian ini hanya memberi fokus kepada keluarga komuter di Selangor yang telah berkomuter sekurang-kurangnya dalam tempoh dua belas bulan (setahun) pada tarikh bermulanya proses pengumpulan data iaitu 1 Januari 2013. Ini bertujuan mendapatkan hasil kajian yang lebih signifikan dalam penganalisan yang melibatkan skor peperiksaan dan skor kokurikulum akhir tahun remaja. Hanya lima pemboleh ubah difokuskan dalam penganalisan iaitu kesediaan ibu bapa, persekitaran keluarga, bimbingan ibu bapa, masalah kecelaruan remaja dan prestasi remaja.

Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan empat instrumen kajian sahaja iaitu Inventori Kesediaan Ibu Bapa, Skala Persekitaran Keluarga, Laporan Kendiri Remaja dan Inventori Bimbingan Ibu Bapa. Prestasi remaja di sekolah diperoleh daripada pihak pengurusan sekolah. Kajian ini memperihalkan hubungan antara kesemua pemboleh ubah. Hubungan tersebut diperincikan dengan menggunakan kaedah pemodelan persamaan struktur (*Struktural Equation Modeling*, SEM) untuk memperihalkan kesan pengaruh dan bentuk pengantaraan pemboleh ubah kajian. Perbincangan hanya berdasarkan kepada model cadangan kajian iaitu Model Pengantaraan Prestasi Remaja Keluarga Komuter. Maklumat demografi keluarga komuter hanya dijadikan rujukan dan dibincangkan secara deskriptif pada akhir kajian.

### 1.10 Batasan Kajian

Secara umumnya, terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Pertama adalah lokasi kajian. Penglibatan sekolah menengah dalam kajian ini bergantung kepada kesudian pihak pengurusan sekolah untuk bekerjasama dengan pihak pengkaji walaupun proses pemilihan rawak dijalankan pada peringkat awal. Ini kerana proses pemilihan peserta kajian memerlukan bantuan pihak sekolah terutamanya guru tingkatan dalam mengenal pasti dan menyenaraikan nama pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pengkaji sebelum pengumpulan data dimulakan. Perkara ini memerlukan masa dan usaha yang lebih daripada pihak sekolah maka kesudian dan kerelaan pihak sekolah untuk melibatkan diri adalah penting dalam menjayakan proses pengumpulan data. Pengkaji berjaya mendapatkan kerjasama daripada 20 buah sekolah dalam proses pengumpulan data. Jumlah ini melebihi 15% daripada unit kelompok kajian (Van Dalen, 1999).

Batasan seterusnya adalah populasi kajian. Populasi persampelan tidak dapat dikenal pasti kerana tiada data yang lengkap tentang bilangan keluarga komuter di Malaysia. Keadaan ini menyukarkan proses pengiraan sampel kajian. Pengumpulan data yang melibatkan hubungan dyad ibu/ bapa dengan anak menambahkan lagi kesukaran proses persampelan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah berjaya mendapatkan jumlah peserta kajian yang mencukupi bagi memenuhi syarat penganalisan SEM (*Structural Equation Modeling*). Bagi persampelan kajian, sampel kajian adalah terhad dan fokus pada keluarga komuter di negeri Selangor sahaja. Ketepatan dapatan kajian adalah bergantung kepada kejujuran responden kajian (remaja dan ibu/bapa) dalam melengkapkan borang soal selidik.

Batasan terakhir dalam kajian ini adalah kajian lepas yang terhad dan pendekatan teori yang belum pernah digunakan. Ini kerana kajian tentang gaya hidup keluarga komuter terutama di negara Asia jarang dilakukan. Majoriti kajian terdahulu memberi tumpuan kepada kehidupan berkomuter di Barat dalam kalangan keluarga komuter tentera. Di Malaysia pula, sehingga kini hanya terdapat satu kajian berkenaan dengan keluarga komuter. Sehubungan itu, rujukan yang diperolehi adalah terhad. Kebanyakan dapatan kajian hanya dibincang dengan merujuk kepada kajian Norlila (2011) yang merupakan kajian pertama dan satu-satunya kajian yang



dijalankan di Malaysia. Namun, keperluan dan kepentingan kajian terhadap keluarga komuter tidak dapat dinafikan. Sehubungan itu, pengkaji telah berusaha dan berjaya mendapatkan rujukan yang berkaitan yang melibatkan pemboleh ubah yang sama supaya dapatan kajian yang dilakukan ini dapat dibandingkan dengan dapatan kajian yang lepas.

### **1.11 Penutup**

Secara keseluruhannya, matlamat utama kajian adalah untuk memperihalkan kesan pengantaraan bimbingan ibu bapa, persekitaran keluarga, kecelaruan dan masalah tingkah laku remaja terhadap hubungan antara kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter. Objektif dan persoalan kajian bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang impak dan kesan gaya hidup keluarga komuter ke atas kesejahteraan keluarga dan perkembangan remaja dalam kalangan keluarga komuter.

Kajian ini penting kerana tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa gaya hidup keluarga komuter terutama persepsi dan kesediaan komuter telah memberi impak ke atas psikososial komuter. Psikososial komuter pula dilaporkan berhubungkait dengan isu pendidikan anak. Sehubungan itu, dapatan diharap memberi input kepada pihak ibu bapa, pihak majikan, pihak pengurusan sekolah dan para penyelidik supaya sama-sama merancang dan mengambil langkah yang sepatutnya dalam mengekalkan kesejahteraan institusi kekeluargaan di Malaysia demi rakyat dan negara.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin (1997). *Psikologi Pendidikan I*. Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Jubah (2006). *Institusi Keluarga menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur, Utusan Pub.
- Abd Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1): 35-44.
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. S. (1987). *The Manual for the Youth Self-Report and Profile*. Burlington, VT: University of Vermont Department of Psychiatry.
- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. S. (1978). The classification of child psychopathology: A review and analysis of empirical efforts. *Psychological Bulletin*, 85: 1275-1301.
- Achenbach, T.M. (1991). *Manual for the Youth Self-Report and 1991 Profile*. Burlington: University of Vermont, Department of Psychiatry.
- Achenbach, T. M., & Rescorla, L. A. (2001). *Manual for the ASEBA School-Age Forms & Profiles*. Burlington, VT: University of Vermont, Research Center for Children, Youth, & Families.
- Aizer, A. (2004). Home alone: Supervision after school and child behavior. *Journal of Public Economics*, 88(9): 1835-1848.
- Allport, A. (1980). *Attention and Performance*. In Claxton, G. (Ed). *Cognitive Psychology: New Directions*. London: Routledge.
- Altschul, I. (2012). Linking socioeconomic status to the academic achievement of Mexican American youth through parent involvement in education. *Journal of the Society for Social Work and Research*, 3:13–30.  
Doi: <http://dx.doi.org/10.5243/jsswr.2012.2>.
- Amato, P. R., & Fowler, F. (2002). Parenting practices, child adjustment, and family diversity. *Journal of Marriage and Family*, 64: 703–716.
- Amato, P., & Gilbreth, J.G. (1999). Nonresident fathers and children's well being : A meta-analysis. *Journal of Marriage and the Family*, 61: 557-573.
- Aminah Abdul Rahman Isnahalil Ishak (2009). *Profil Keluarga di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat*. Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa, Institut Kefahaman Islam Malaysia. 26 Mei 2009.

- Amla sallah, Noriah Ishak, Zuria Mahmud, Ramlee Mustapha, M., Mokhtar, & S. Muhamad S. Abudllah. (2007). Prosiding Seminar Kebangsaan: Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga: *Strategi Membangunkan Potensi Pelajar Berpencapaian Rendah: Implikasi kepada Pembangunan Modal Insan*, 639-648. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amla Salleh, Zaharia Aziz, Zuria Mahmud, & Abd Aziz Mahyuddin. (2010). Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 9 – 17.
- Anderson, E. A. (1992). Decision-making style: Impact on satisfaction of the commuter couple. *Journal of Economic Issues*, 13: 5-21.
- Anderson, E. A., & Spruill, J. W. (1993). The dual-career commuter family: A lifestyle on the move. *Marriage & Family Review*, 19: 131–148.
- Anderson, S., Leventhal, T., & Dupere, V. (2014). Residential mobility and the family context: A developmental approach. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 35: 70-78.
- Andersson, E., & Subramaniam, S. V. (2006). Explorations of neighborhood and educational outcome for Young Swedes. *Urban Studies*, 43(11): 2013-2025.
- Ann Hartman. (1983). *Family-Centered Social Work Practice*, 76-77.
- Apel, R., & Kaukinen, C. (2008). On the relationship between family Structure and Antisocial Behavior: Parental Cohabitation and Blended Households. *Criminology*, 46 (1): 35-70.
- Aponte (1976). Dalam Peter Gay, Andy Miller & Jim Noakes (2013). *Challenging Behaviour in Schools. Teacher Support, Practical Techniques and Policy Development*. London: Roulledge.  
Doi: <http://www.books.google.com.my>
- Arnold, D. H., Zeljo, A., & Doctoroff, G. L. (2008). Parent involvement in preschool: Predictors and the relation of involvement to pre-literacy development. *School Psychology Review*, 37(1): 74-89.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (6<sup>th</sup> Ed.). (2002). *Introduction to Research in Education*. Belmont, CA: Wadsworth/ Thomson Learning.
- Aufseeser, D., Jekielek, S., & Brown, B. (2006). “The family environment and adolescent well-being: exposure to positive and negative family influences,” Child Trends and the National Adolescent Health Information Center. From <http://www.childtrends.org/news/news-releases/the-family-environment-affects-adolescent-well-being/>
- Azizi Hj Yahya. (2008). *Sejarah Sikap Pemeliharaan kanak-kanak: Stail Kekeluargaan Pendidikan Kekeluargaan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Azizi Yahya & Badrul Zaman Baharom. (2006). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya terhadap Tingkah Laku Devian Pelajar*. Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahaman Abu Samah (2013). *Bengkel AMOS SEM*. Universiti Putra Malaysia.
- Bandura, A. (1976). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2): 191-215.
- Bandura, A. (1984). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. NY: Prentice-Hall.
- Barber, B. K., Stoltz, H. E., & Olsen, J. A. (2005). Parental support, psychological control, and behavioral control: Assessing relevance across time, culture, and method. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 70(4): 282.
- Barber, B.K., & Olsen, J.E. (1994). Associations between parental psychological and behavioral control and youth internalized and externalized behaviors. *Child Development*, 65: 1120-1136.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 52(6): 1173-1118.
- Barry, T. D., Dunlap, S. T., Cotten, S. J., Lochman, J. E., & Wells, K. C. (2005). The influence of maternal stress and distress on disruptive behavior problems in boys. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 44:265-273.
- Barry, T. D., Dunlap, S. T., Lochman, J. E., & Wells, K. C. (2009). Inconsistent discipline as a mediator between maternal distress and aggression in boys. *Child and Family Behavior Therapy*, 31: 1-19.
- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37: 887-907.
- Baumrind, D. (1971). Current practices of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4: 1-10.3
- Baumrind, D. (1989). Parental disciplinary pattern and social competence in children. *Youth and Society*, 9: 230-276.

- Bean, R. A., Bush, K. R., McKenry, P. C., & Wilson, S. M. (2003). The impact of parental support, behavioral control, and psychological control on the academic achievement and self-esteem of African American and European American adolescents. *Journal of Adolescent Research*, 18: 523–541.
- Bergen, K.M. (2010). Accounting for difference: commuter wives and the master narrative of marriage. *Journal of Applied Communication Research*, 38(1):47-64.
- Berns, R.M. (4<sup>th</sup> Ed.). (2004). *Child, Family, Community: Socialization and Support*. Florida: Holt, Rinehart & Winston.
- Bigner, J. (8<sup>th</sup> Ed.). (2010). *Parent-Child Relations: An Introduction to Parenting*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Blondal, K. S., & Adalbjarnardottir, S. (2009). Parenting practices and school dropout: A longitudinal study. *Adolescence*, 44(176): 729–749.
- Boethel, M. (2004). *Readiness: School, Family and Community Connections*. National Center for Family, Community and Schools. SEDL Austin. Texas.
- Bogenschneider, K. (1997). Parental involvement in adolescent schooling: A proximal process with trans-contextual validity. *Journal of Marriage and the Family*, 59: 1-16.
- Boon, P.Y., & Ragbir Kaur (1998). *Psikologi II (Semester II)*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti. Malaysia.
- Borkowsky, J., Ramey, S., & Bristol-Power, M. (Eds.). (2002). *Parenting and the Child's World: Influences on Academic, Intellectual, and Social-Emotional Development*. Mahwah, Nj: Lawrence Erlbaum.
- Börsch-Supan, A. (1990). Education and its double-edged impact on mobility. *Economics of Education Review*, 9(1): 39-53.
- Bourg, C., & Segal, M.W. (1999). The impact of family supportive policies and practices on organizational commitment to the army. *Armed Forces and Society*, 25(4): 633-652.
- Bowen, M. (1985). *Family Therapy in Clinical Practice*. New York: Aronson.
- Bradshaw, C.P., Sudhinaraset, M., Mmari, K., & Blum, R.W. (2010). School transitions among military adolescents: A qualitative study of stress and coping. *School Psychology Review*, 39, 84-105.
- Breivik, K., & Olweus, D. (2006). Adolescent's adjustment in four post-divorce family structures: Single mother, stepfather, joint physical custody and single father families. *Journal of Divorce and Remarriage*, 44 (3): 99-124.

- Brody, G.H., & Murry, V.M. (2002). Longitudinal pathways to competence and psychological adjustment among African American children living in rural single-parent households. *Child Development, 73*: 1505-1516.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology, 22*: 723-742.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (6<sup>th</sup> Ed.). (2006). *The Bioecological Model of Human Development*. In W. Damon, & R. M. Lerner (Eds.). *Handbook of child psychology*. New York, NY: Wiley.
- Brown, L., & Iyengar, S. (2008). Parenting styles: The impact of student achievement. *Marriage & Family Review, 43*(2): 14–38.
- Brown, T. A. (2006). *Confirmatory Factor Analysis for Applied Research*. New York: Guilford.
- Buchner, A., Erdfelder, E., & Faul, F. (1992). How to use G-power. Doi: <http://www.psych.uni-duesseldorf.de/aap/projects/gpower>.
- Bulcroft, R. A., Carmody, D. C., & Bulcroft, K. A. (1996). Patterns of parental independence giving to adolescents: Variations by race, age and gender of child. *Journal of Marriage and the Family, 58*, 866–883.
- Bunker, B. B., Zubek, J. M., Vanderslice, V. J., & Rice, R. W. (1992). Quality of life in dual-career families: commuting versus single-residence couples. *Journal of Marriage and Family, 54*, 399–407.
- Burke, S.C., & Moskos, C.C. (1996). Family readiness: Applying what we know and highlighting what we need to know. *Military Family Issues: The Research Digest, 1*(1): 1-4.
- Burrell, L. M. (2006). *Moving Military Families: The Impact of Relocation on Family Well-Being, Employment, and Commitment to the Military*. In Palmer, C. (2008). A theory of risk and resilience factors in military families. *Military Psychology, 20*: 205-217.
- Byrne, B. M. (2<sup>nd</sup> Ed.). (2010). *Structural Equation Modeling with AMOS: Basic Concepts Application, and Programming*. Routledge Academy, New York.
- Byrne, B. (2001). *Structural Equation Modeling with AMOS*. Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Byrne, J.M., & Sampson, R.J. (1986). *The Social Ecology of Crime*. New York: Springer-Verlag.

- Campbell, J. R., & Uto, Y. (2002). Educated fathers and mothers have differential effects on overseas Japanese boys' and girls' math achievement. *International Journal of Educational Research*, 21: 697–704.
- Carlson, C., Cooper, C., & Hsu, J. *Predicting School Achievement in Early Adolescence. The Role of Family Process*. Paper presented at the meeting of the Society for Research in Adolescence, Atlanta, GA. March 1990.
- Carlson, M. J. (2006). Family structure, father involvement, and adolescent behavioral outcomes. *Journal of Marriage and Family*, 68(1): 137–154.
- Carter, J. H. (1992). *Commuter Marriages*. Black Enterprise. 22(7): 246-250.
- Chandra, A., Burns, R., Tanielian, T., & Jaycox, L. (2011). *Understanding the deployment experience for children and youth from military families*. In Wadsworth and MacDermid (Eds.). *Risk and Resilience in US Military Families*, pp.175-192. New York, NY: Springer Science & Business Media.
- Cherian, V.I. (2001). Relationship between parental education and academic achievement of Xhosa children from broken and intact families. *The Journal of Social Psychology*, 132(4): 549-551.
- Chronis, A. M., Lahey, B. B., Pelham, W. E., Williams, S. H., Baumann, B. L., & Kipp, H. et al., (2007). Maternal depression and early positive parenting predict future conduct problems in young children with Attention-Deficit Hyperactivity Disorder. *Developmental Psychology*, 43: 70–82.
- Cohen, J. (2<sup>nd</sup> Ed.). (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. New York: Academic Press.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (5<sup>th</sup> Ed.). (2002). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Cohen, S. (1992). *Stress, Social Support, and Disorder*. In. Veiel, H.O.F., & Baumann, U. *The Meaning and Measurement of Social Support*. pp.109-124. New York: Hemisphere Press.
- Cohen, S., & Hoberman, H. M. (1983). Positive events and social supports as buffers of life change stress. *Journal of Applied Social Psychology*, 13(2): 99-125.
- Cohen, S., Clark, M. S., & Sherrod, D. R. (1986). Social skills and the stress- protective role of social support. *Journal of Personality and Social Psychology*, 50(5): 963-973.
- Cohen, S., Mermelstein, R., Kamarck, T., & Hoberman, H. M. (1985). *Measuring The Functional Components of Social Support*. In. Sarason, I. G., & Sarason, B. R., *Social Support: Theory, Research, and Application*. pp.73-94. Dordrecht: Martinus Nijhoff Publishers.

- Conger, A. J. (1974). A revised definition for suppressor variables: A guide to their identification and interpretation. *Educational and Psychological Measurement*, 34: 35-46.
- Conger, R. D., & Donnellan, M. B. (2007). An interactionist perspective on socioeconomic context of human development. *Annual Review of Psychology*, 58: 175–199.
- Cox, M.J., Owen, H.T., Henderson, V.K., & Margand, N. (1992). The prediction of infant-father and infant-mother attachment. *Developmental Psychology*, 28: 474-483.
- Creswell, J.W. (2<sup>nd</sup> Ed.). (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J.W. (2<sup>nd</sup> Ed.). (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Creswell, J.W. (2008). *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing among Five Traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Crocetti, E., Klimstra, T., Keijsers, L., Hale, W. W., & Meeus, W. (2009). Anxiety trajectories and identity development in adolescence: A five-wave longitudinal study. *Journal of Youth and Adolescence*, 38: 839-849.
- Cronbach, L.J. (4<sup>th</sup> Ed.). (1984). *Essentials of Psychological Testing*. Harper and Row. New York.
- Culp, R.E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp, A.M. (2000). Relations among parental involvement and young children's perceived self competence and behavioral problems. *Journal of Child and Family Studies*, 9(1): 27-38.
- Dahl, J. (1985). As long distance marriage rise, some couples actually prefer it. *Wall Street Journal*. Dow Jones & Company Inc. 22 Cortland St. New York (10007)
- Dallaire, D. H., Pineda, A. Q., Cole, D. A., Cisela, J. A., Jacquez, F., LaGrange, B., & Bruce, A. E. (2006). Relation of positive and negative parenting to children's depressive symptoms. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 35: 313-322.
- Davis H.A., & Lease A.M. (2007). Perceived organizational structure for teacher liking: the role of peers' perceptions of teacher liking in teacher-student relationship quality, motivation, and achievement. *Soc Psychol Edu*. 10: 403-427.
- Deater-Deckard, K., & Dodge, K. A. (1997). Externalizing behavior problems and discipline revisited: Nonlinear effects and variation by culture, context, and gender. *Psychological Inquiry*, 8: 161–175.



- DeBaryshe, B. D., Patterson, G. R., & Capaldi, D. M. (1993). A performance model for academic achievement in early adolescent boys. *Developmental Psychology*, 29: 795–804.
- DeGarmo, D. S., & Martinez, C. R. (2006). A culturally informed model of academic well-being for Latino youth: The importance of discriminatory experiences and social support. *Family Relations*, 55: 267–278.
- Demo, D. H., & Acock, A. C. (1996). Family structure, family process, and adolescent well-being. *Journal of Research on Adolescence*, 6(4): 457-488.
- Dickinson, G. E., & Leming, M. R. (1990). *Understanding Families: Diversity, Continuity and Change*. Boston: Allyn & Bacon.
- DiClemente, R. J., Wingood, G. M., Crosby, R., Sionean, C., Cobb, B. K., Harrington, K., et al. (2001). Parental monitoring: Association with adolescents' risk behaviors. *Pediatrics*, 107:1363–1368.
- Dieryck, I. (2003). *Canadian Military Families: Separation Resilience and Peacetime Deployments*. McMaster University, Hamilton, Ontario.
- Dockrell, J. E., & Messer, D. (1999). *Understanding children's language and communication difficulties (Cassell Education Series)*. London: Continuum International Publishing Group Ltd
- Dumka, L.E., Gonzales, N.A., Bonds, D.D., & Millsap, R.E. (2009). Academic success of Mexican origin adolescent boys and girls: The role of mothers' and fathers' parenting and cultural orientation. *Article of Sex Roles* 60: 588-599.
